

17 AUG 1998

BPR ANJUR BENGKEL UNTUK PEGAWAI KANAN KERAJAAN

MELAKA, 17 Ogos (Bernama) -- Badan Pencegah Rasuah (BPR) dan Unit Pemodenan Tadbiran Malaysia (Mampu) akan menganjurkan bengkel kerja bertujuan membincangkan usaha mengukuh kecekapan dan mengurangkan penyelewengan dalam perkhidmatan kerajaan.

Ketua Pengarah BPR Datuk Shafee Yahaya berkata bengkel sehari yang akan dihadiri ketua-ketua setiausaha kementerian, setiausaha kerajaan negeri dan pegawai kanan jabatan persekutuan dan negeri itu akan diadakan pada 25 Ogos ini.

Bengkel itu diadakan sejajar dengan arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada awal tahun ini supaya pengurusan perkhidmatan kerajaan diperkukuhkan, katanya kepada pemberita selepas melawat pejabat BPR negeri di sini hari ini.

Shafee berkata perbincangan itu akan mengenalpasti kaedah dan pendekatan sistematik dalam melaksana sepenuhnya arahan Perdana Menteri.

Perbincangan itu termasuk mengenai pelaksanaan dasar, undang-undang dan peningkatan disiplin serta nilai murni di kalangan kakitangan kerajaan yang akan menyumbang kepada peningkatan kecekapan dan pengurangan masalah penyelewengan, katanya.

Bengkel yang diadakan di Institut Tadbiran Awam Negara (Intan) Bukit Kiara itu akan dirasmi oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali, katanya.

-- Bernama

MOZ RHM